

Tiada halangan perwakilan bahas sebarang isu

SHAH ALAM - Tiada halangan kepada semua perwakilan untuk membahaskan sebarang isu sepanjang Kongres Nasional Parti Keadilan Rakyat (PKR) 2019 yang dijadualkan berlangsung di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) mulai 5 hingga 8 Disember ini.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, kesemua perwakilan boleh mengambil bahagian pada sesi perbahasan dan bebas bercakap mengenai apa sahaja isu.

"Kesemua mereka boleh menggunakan platform ini seluas-luasnya untuk bercakap sebarang isu. Tiada halangan," katanya kepada *Sinar*

Harian semalam.

Sentimen itu turut dikongsi Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil yang mengakui tiada isu lain yang dirasakan akan berbangkit.

Beliau turut meluahkan keyakinan Kongres Nasional PKR 2019 akan berjalan lancar di sebalik konflik pemecatan Ahli Majlis Pimpinan Parti (MPP), Zakaria Abdul Hamid oleh Lembaga Disiplin PKR.

Dalam pada itu, Fahmi menjelaskan, setiap perwakilan akan dibe-



SAIFUDDIN NASUTION

kalkan pengimbas kod QR bagi memudahkan mereka menerima maklumat terkini berkenaan kongres berkenaan di samping jadual mukamad atur cara terkini perjalanan kongres.

Menurutnya, kesemua program kongres termasuk penglibatan sayap Angkatan Muda Keadilan (AMK) dan

Wanita akan diadakan di lokasi sama iaitu MITC Melaka, sekali gus memudahkan semua pihak untuk mengikuti perjalanan Kongres Nasional PKR 2019.